

Kangar

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis menjumpai 13 kilogram (kg) ganja dalam guni terapung di perairan berhampiran sempadan maritim Malaysia-Thailand di Kuala Perlis, dipercayai cuba diseludup masuk ke negara ini.

Kejadian jam 8 malam 4 Januari lalu ketika pasukan operasi dari Cawangan Penguatkuasaan/Marin Kuala Perlis sedang melakukan rondaan di kawasan perairan berhampiran Kampung Pulau Ketam apabila mengesan sebuah guni berwarna merah jambu terapung.

Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim berkata, guni berkenaan yang ada tulisan Thailand langsung tidak tenggelam meskipun keadaan laut bergelora, kemudian diangkat ke atas bot peronda sebelum pemeriksaan menemui 13 ketulan mampat disyaki ganja di dalamnya.

"Berat keseluruhan ganja itu dianggarkan 13kg dan nilainya dianggarkan RM40,300. Kita percaya anggota sindiket penyeludupan dadah rentas sempadan ini menggunakan gabus untuk memastikan guni berisi ganja terbabit kekal terapung.

"Guni itu dipercayai diletakkan di perairan tidak lama sebelum kita jumpa. Kita kemudian tunggu sekitar satu jam, tapi tiada sesiapa menghampiri atau cuba mengambil bekalan guni berkenaan," katanya pada sidang media di pejabatnya, di sini semalam.

Siasatan awal mendapati bekalan ganja itu diperolehi dari Thailand sebelum transit di Perlis untuk dihantar ke destinasi seterusnya di negara ini.



ISMAIL (tengah) menunjukkan guni dan gabus digunakan sebagai pelampung untuk menghanyutkan bekalan ganja yang ditemui di perairan Kuala Perlis berhampiran sempadan maritim Malaysia-Thailand. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

Ganja dalam guni terapung!

JKDM Perlis jumpa dadah di perairan berhampiran sempadan Malaysia-Thailand

"Kita syak modus operandi adalah bekalan ganja ini akan dibawa ke daratan oleh ahli sindiket dan akan dipasarkan di sekitar kawasan utara serta Lembah Klang. Kita juga percaya sekilo ganja ini bernilai RM3,100 dengan keseluruhan ganja dirampas dalam kes ini mampu digunakan 65,000 penagih dadah," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mem-

peruntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup atau sebat tidak kurang 12 kali sekiranya tidak dihukum mati, jika sabit kesalahan.

Tambah Ismail, ini rampasan pertama pihaknya tahun ini dan menghanyutkan guni berisi dadah di lautan antara taktik digunakan sindiket, termasuk yang pernah dibongkar sebelum ini seperti meletakkan bungkusan ganja pada tiang kawasan *beacon* (tan-

da arah suar) putih yang menjadi panduan pelaut.

"Selain itu, menyembunyikannya di tepi semak berhampiran sempadan malah ada juga taktik mencampakkan guni berisi dadah dari tembok sempadan Malaysia-Thailand," katanya.

Tahun lalu, Kastam Perlis merekodkan 167 kes cubaan menyeludup pelbagai barangan tidak berkastam, haiwan dilindungi serta dadah ke negara ini dengan nilai keseluruhan RM53.83 juta. Daripada jumlah itu, 20 kes memabitkan rampasan dadah dianggarkan bernilai RM24.08 juta.

"Ganja dirampas dalam kes ini mampu digunakan 65,000 penagih dadah Ismail"